

Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran:
Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan

Nasimah Abdullah¹
Lubna Abd Rahman²

ABSTRACT

Some researchers are of the opinion that the translation of the meaning of the Qur'an produced by a team of translators is better than the translation by an individual translator. This is because, when done collectively, it is usually assumed that translators can produce work of higher quality. However, it cannot be denied that sometimes translation done by an individual translator is more accurate in expressing the intended meaning. The objective of this research is to study the translation of the meaning of the Qur'an in Bahasa Melayu done by a team of translators as well as by individual translators in order to examine the methods used in translating figurative speech. To achieve this objective, the researchers have compared a few Qur'anic translations that have become the basis of this study, namely the translation by Yayasan Restu and translation by individual translators such as Mahmud Yunus, Abdullah basmeih and Zaini Dahlan. In general, group translation produces a better quality translation. Nevertheless, when it comes to translating figurative speech, the researchers have found out that some individual translators too can produce translation that comes close to the actual meaning that is based on the exegesis in the renowned books of *tafsir* compared to group translation.

Keywords: Quranic translation; figurative verses; translation method; collective translation; individual translation.

ABSTRAK

Sesetengah penyelidik berpendapat bahawa terjemahan makna al-Quran yang dihasilkan secara berkumpulan adalah lebih baik daripada terjemahan individu. Hal ini kerana kebiasaannya pemikiran secara kolektif menghasilkan sesuatu yang lebih bermutu. Namun, tidak dinafikan bahawa adakalanya hasil terjemahan individu lebih menepati maksud yang hendak disampaikan. Penulisan ini bertujuan mengkaji terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu secara berkumpulan dan individu untuk melihat kaedah terjemahan ayat-ayat figuratif. Bagi mencapai tujuan ini, penulis melakukan perbandingan antara beberapa hasil terjemahan al-Quran yang menjadi rujukan para penyelidik, iaitu terjemahan oleh Yayasan Restu, dan terjemahan oleh individu-individu tertentu seperti Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Secara keseluruhannya, terjemahan berkumpulan memberikan hasil terjemahan yang lebih baik. Walaubagaimanapun, dalam isu ayat figuratif ini, penulis mendapati bahawa sesetengah penterjemah secara individu juga mampu menghasilkan terjemahan yang lebih

¹ Dr. Nasimah Abdullah, Phd in Arabic Linguistic Studies (IIUM), MA in Teaching Arabic As Second Language (IIUM), BA in Human Sciences (Arabic Language & Literature) (IIUM). Position: Deputy Dean (Academic Affairs and Research), Academy of Islamic Studies, KUIS. email: nasimah@kuis.edu.my

² Dr. Lubna Abd Rahman, Phd in Arabic Linguistic Studies (IIUM), MA in Teaching Arabic As Second Language (IIUM), BA in Human Sciences (Arabic Language & Literature) (IIUM). Senior Lecturer, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Email: lubna@usim.edu.my

menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar berbanding dengan terjemahan yang dijalankan secara berkumpulan.

Katakunci: Terjemahan al-Quran; ayat figuratif; kaedah terjemahan; terjemahan berkumpulan; terjemahan individu

PENDAHULUAN

Terjemahan al-Quran memainkan peranan penting untuk memberi kefahaman tentang isi kandungan dan mesej yang dibawa oleh Quran. Adakalanya ayat-ayat al-Quran boleh diterjemahkan secara kata demi kata (*harfiah*) kerana sudah memadai untuk menyampaikan maksud. Sebaliknya terdapat juga ayat al-Quran yang tidak boleh diterjemahkan dengan kaedah tersebut kerana tidak memberi maksud sebenar. Hal ini kerana setiap bahasa mempunyai ciri-ciri dan laras bahasa yang mungkin berbeza dengan bahasa yang lain. Justeru, penterjemah haruslah melihat kepada perbezaan ini semasa menterjemah. Terjemahan secara kata demi kata (*harfiah*) kadang-kadang boleh menyebabkan maksud sebenar tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh mengelirukan pembaca.

Dagut (1976) menegaskan bahawa bukan semua metafora boleh diterjemahkan secara kata demi kata kerana wujudnya perbezaan unsur-unsur budaya dan semantik antara bahasa yang masih boleh menentukan tahap kebolehterjemahan metafora secara kata demi kata atau sebaliknya. Pandangan ini disokong oleh Bassnett-McGuire (1988) yang menyatakan bahawa terjemahan kata demi kata antara bahasa Itali dan Inggeris boleh menyebabkan kesamaran kepada makna kerana ciri linguistik yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut kadang membawa imej yang sama.

Oleh itu, Nida (1964) menyatakan bahawa dalam menterjemah metafora penyesuaian tertentu perlu dibuat seperti menterjemah metafora bahasa sumber kepada metafora bahasa sasaran yang mempunyai persamaan makna, atau kepada perumpamaan dalam bahasa sasaran, atau menterjemahkannya kepada pengertian sebenar. Manakala Broeck pula (1981) mencadangkan tiga (3) kaedah terjemahan metafora, iaitu: menterjemah secara kata demi kata, atau menggantikan metafora bahasa sumber dengan metafora bahasa sasaran yang mempunyai makna yang sama, atau menjelaskan makna metafora jika imej metafora tersebut tidak terdapat dalam bahasa sasaran.

Dalam isu al-Quran, ia diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri bahasa yang unik, serta mengandungi unsur retorik yang tinggi. Antara unsur retorik yang dimaksudkan ialah unsur figuratif. Ayat-ayat berbentuk figuratif perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksud sebenar ayat dapat disampaikan dengan tepat. Ketepatan maksud dalam menterjemah ayat al-Quran penting supaya terjemahan yang dihasilkan dapat memberikan kefahaman yang betul kepada pembaca.

Secara umumnya, sesuatu yang dilakukan secara kolektif biasanya akan memberikan hasil terjemahan yang lebih baik. Terdapat kajian mengatakan bahawa terjemahan secara kumpulan adalah lebih baik daripada terjemahan individu (Mat Taib: 2000). Tidak dinafikan bahawa terdapat penambahbaikan dalam hasil terjemahan secara berkumpulan seperti yang diusahakan oleh Yayasan Restu, berbanding terjemahan al-Qur'an yang diusahakan secara individu seperti Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Namun pada pemerhatian penulis, penambahbaikan tersebut bukanlah menyeluruh kerana penulis mendapati adanya beberapa

terjemahan, terutamanya berkaitan ayat-ayat figuratif yang menunjukkan bahawa terjemahan secara individu lebih menepati maksud yang dikehendaki.

OBJEKTIF DAN METODE KAJIAN

Penulisan ini bertujuan mengkaji terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu secara berkumpulan dan individu untuk melihat kaedah terjemahan ayat-ayat figuratif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpul maklumat dan menganalisis data melalui kaedah analisis dokumen. Korpus kajian adalah empat teks terjemahan al-Quran, iaitu Yayasan Restu (2009), Mahmud Yunus (2008), Abdullah Basmeih (2001) dan Zaini Dahlan (1999). Kajian ini hanya tertumpu kepada terjemahan ayat-ayat figuratif dalam al-Quran dengan melihat kaedah terjemahan para penterjemah. Ayat-ayat figuratif dipilih secara rawak yang merangkumi gaya bahasa *isti'arah*, *kinayah* dan *majaz mursal* sahaja. Kemudian perbandingan dilakukan antara penterjemah individu dan berkumpulan untuk melihat bagaimana penterjemah menyampaikan maksud ayat figuratif tersebut berdasarkan pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar. Antara kitab tafsir yang menjadi sandaran kajian ini adalah tafsir daripada *al-Qurtubi*, *al-Zamakhshari*, *al-Tabari*, *al-Suyuti*, *al-Baydhawi*, *al-Zarkasyi* dan *Ibn 'Asyur*.

MAKSUD AYAT FIGURATIF

Dalam Kamus Dewan edisi keempat, figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dan sebagainya) yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad pula (Fauzi, 2003) bahasa figuratif adalah bahasa kiasan, iaitu bahasa yang mempunyai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya.

Dalam konteks kajian ini, ayat figuratif (*majazi*) bermaksud ayat-ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa berbentuk ungkapan-ungkapan yang maknanya berlainan daripada makna yang sebenar. Antara gaya bahasa dalam ungkapan yang akan dikaji dalam kertas kerja ini ialah *isti'arah*, *kinayah* dan *majaz mursal*.

Isti'arah ialah gaya bahasa yang menggunakan perkataan yang maknanya berlainan daripada makna sebenar kerana mempunyai hubungan persamaan dengan petunjuk (*qarinah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat (Bakri, 2001). Dalam Kamus Besar Arab-Melayu, *isti'arah* ditakrifkan sebagai penggunaan perkataan dalam pengertian kedua, seperti penggunaan singa untuk pengertian orang yang berani (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), dan penggunaan bunga untuk menggambarkan anak-anak kecil yang cantik (Siti Saodah, 1999).

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu, *kinayah* bermaksud menyebut sesuatu ungkapan yang dimaksudkan dengan pengertian lain yang bukan pengertian zahirnya, seperti menggunakan ungkapan (لغة الضاد) yang bermaksud bahasa Arab (Dewan Bahasa Pustaka, 2006). Menurut Siti Saodah Haji Hassan (1999), *kinayah* merupakan sesuatu ungkapan yang mempunyai maksud sindiran dan boleh digunakan untuk maknanya yang asal seperti ungkapan (كثير الرماد) digunakan kepada orang yang pemurah.

Majaz mursal pula ialah gaya bahasa yang menggunakan perkataan yang maknanya berlainan daripada makna sebenar dan mempunyai hubungan tidak setara dengan petunjuk (*qarinah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat, dan antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan sebab, hubungan kesan (*musabab*), hubungan separa, hubungan berkaitan perkara yang telah berlaku, hubungan berkaitan perkara yang belum berlaku, hubungan tempat, keadaan dan lain-lain (Bakri, 2001).

DAPATAN KAJIAN

Penulis mengemukakan di sini 10 contoh ayat yang mengandungi ungkapan figuratif yang merangkumi 3 bentuk gayabahasa iaitu *isti'arah*, *kinayah* dan *majaz mursal* untuk menunjukkan bahawa terjemahan individu lebih menepati kehendak maksud sebenar ayat tersebut.

Isti'arah:

CONTOH 1:

قوله تعالى: ﴿وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ﴾ (Al-Quran: 22: 73)

Ungkapan figuratif: (صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ)

Maksud sebenar: Frasa (صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ) merupakan *Isti'arah*, iaitu menggunakannya dalam pengertian figuratif kerana mempunyai hubungan persamaan dengan (الدين الإسلامي) dari segi bimbingan atau petunjuk yang diperolehi oleh manusia. Hal ini dijelaskan oleh al-Qurtubi (2000) yang menyatakan bahawa maksud sebenar (صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ) adalah agama yang benar iaitu agama Islam, di mana dinamakan agama itu sebagai jalan yang benar kerana ia yang boleh membawa manusia kepada syurga. Tanpa mengetahui arah jalan, manusia akan sesat. Begitu juga kehidupan manusia secara realitinya. Tanpa Islam dan kebenaran yang dibawanya, manusia akan sesat.

Jadual 1

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus
“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanya menyeru mereka ke jalan yang lurus. ”	Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka ke jalan yang lurus (agama Islam).

Daripada terjemahan di atas, kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan jalan yang lurus. Ini kerana ia terikat dengan terjemahan kata demi kata yang menyebabkan makna figuratif yang terkandung dalam frasa (صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ) tidak sampai kepada pembaca sasaran. Justeru, penterjemah perlu lebih spesifik dalam menerangkan maksud frasa tersebut. Manakala Mahmud Yunus pula mengambil pendekatan lain dengan cuba menjelaskan maksud sebenar frasa (صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ) berdasarkan apa yang terdapat dalam pentafsiran para ulama, dengan menambah maksud ungkapan figuratif tersebut, iaitu (agama Islam).

Oleh itu, penulis berpandangan bahawa terjemahan Mahmud Yunus mampu menghasilkan terjemahan yang lebih menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar berbanding dengan terjemahan yang dijalankan secara berkumpulan.

CONTOH 2:

قوله تعالى: ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ...﴾ (Al-Quran: 2: 16)

Ungkapan figuratif: (اشترُوا الضلالة بالهدى)

Maksud sebenar: Lafaz (الشراء) digunakan di sini dengan pengertian figuratif iaitu *Isti'arah*. Ini kerana kesesatan (الضلالة) adalah sesuatu yang bersifat abstrak yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera. Maka adalah mustahil untuk kita membelinya. *Al-Zamakhsyari* (1995) menjelaskan bahawa maksud sebenar lafaz (الشراء) adalah menukar atau memilih atau mengganti.

Jadual 2

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Zaini Dahlan
Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk.	Mereka itulah orang yang telah menukar kesesatan dengan hidayah.

Daripada terjemahan di atas, kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu terikat dengan terjemahan secara harfi kerana menterjemahkan lafaz (الشراء) dengan membeli. Pendekatan ini pada pandangan penulis adalah mengelirukan pembaca kerana maksud sebenar lafaz tersebut tidak dapat disampaikan dengan jelas. Justeru, terjemahan secara maknawi sebagaimana yang digunakan oleh Zaini Dahlan kelihatan lebih sesuai kerana beliau menterjemahkan lafaz (الشراء) dengan menukar. Pendekatan ini juga lebih hampir dengan pentafsiran para ulama.

Begitu juga dalam ayat (Al-Quran: 2: 175) ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ﴾ didapati bahawa terjemahan Yayasan Restu mengambil pendekatan terjemahan yang sama. Ini berbeza dengan pendekatan terjemahan Mahmud Yunus yang cuba menjelaskan maksud sebenar lafaz (الشراء) dengan menambah maksud lafaz tersebut dengan menterjemahnya seperti berikut:

“Mereka itu orang-orang yang **membeli (menukar)** kesesatan dengan petunjuk dan seksaan dengan keampunan...”

CONTOH 3:

قوله تعالى: ﴿وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ ...﴾ (Al-Quran: 18: 99)

Ungkapan figuratif: (يموج في بعض)

Maksud sebenar: Frasa (يموج في بعض) dalam ayat tersebut merupakan *Isti'rah*, iaitu menggunakannya dalam pengertian figuratif yang membawa makna berselisih faham dan kacau bilau, bukan dengan pengertian hakiki, iaitu berombak atau bergelombang (Kamus Besar Arab-Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006). Hal ini dijelaskan oleh *al-Tabari* (2005), *al-Qurtubi* (2000), *al-Suyuti* (2003) dan *al-Zamakhshyari* (1995) yang menyatakan bahawa ungkapan *isti'arah* tersebut cuba menggambarkan situasi kegawatan manusia dan jin pada hari tersebut sama seperti keadaan pergerakan air ombak yang sentiasa bergelombang tanpa henti dan saling menghempas. Kedua-dua situasi tersebut mempunyai hubungan persamaan dari sudut kepantasan pergerakan dan pergolakan yang berturutan tanpa henti.

Jadual 3

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Zaini Dahlan
Kami biarkan mereka pada hari itu keluar beramai-ramai bercampur-baur antara satu dengan yang lain ...	Pada hari itu mereka Kami biarkan saling menghempas laksana gelombang yang satu menimpa yang lain...

Dari terjemahan di atas, dapat diperhatikan bahawa Zaini Dahlan cuba menjelaskan makna figuratif yang terkandung dalam ungkapan *isti'rah* tersebut dengan mengguna kaedah simile atau perumpamaan dalam bahasa sasar, iaitu dengan menambah perkataan “laksana”. Manakala, terjemahan Yayasan Restu mengambil pendekatan terjemahan secara maknawi dengan tidak terikat kepada makna perkataan demi perkataan. Penulis berpandangan bahawa pendekatan terjemahan Yayasan Restu tidak dapat menyampaikan maksud sebenar ungkapan *isti'rah* dalam ayat tersebut dengan jelas kerana “keluar beramai-ramai bercampur-baur antara satu dengan yang lain” tidak mengandungi unsur kacau bilau, pergolakan dan kegawatan.

Kinayah:

CONTOH 4:

قوله تعالى: ﴿ثُمَّ نَكَّسُوا عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا هَؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ﴾ (Al-Quran: 21: 65)

Ungkapan figuratif: (نكسوا على رؤوسهم)

Maksud sebenar: Ungkapan (نكسوا على رؤوسهم) jika diterjemahkan secara harfi bermaksud “mereka menundukkan kepala mereka”. Menurut *al-Baydhawi* (2003) dan *Al-Zamakhshyari* (1995) ungkapan tersebut bukan membawa pengertian hakiki, bahkan ia merupakan kiasan kepada sikap orang-orang kafir yang telah mengubah fikiran mereka daripada kebenaran Islam kepada kebatilan iaitu menyembah berhala. Jika penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan secara harfi, hal ini boleh menyebabkan maksud sebenar ayat tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh mengelirukan pembaca.

Jadual 4

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Zaini Dahlan
Kemudian mereka menundukkan kepala , lalu berkata, "Sesungguhnya engkau (wahai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata ..."	Kemudian mereka terbalik atas kepalanya (kembali menjadi kafir , katanya): Sesungguhnya engkau telah tahu bahawa tuhan-tuhan ini tidak pandai berbicara.	Kemudian mereka berbalik lebih sesat lagi dan berkata kepada Ibrahim, "Kau sudah tahu mereka itu tidak bias bicara."

Terjemahan Yayasan Restu kelihatan lebih terikat dengan terjemahan kata demi kata yang menyebabkan makna sebenar ungkapan figuratif tidak sampai kepada pembaca sasaran, malah apa yang difahami oleh mereka hanyalah perbuatan tersebut secara hakiki. Ini berbeza dengan terjemahan Mahmud Yunus yang cuba mengekalkan makna asal perkataan bahasa sumber dan dalam masa yang sama menambah ungkapan lain (iaitu kembali menjadi kafir) untuk menjelaskan maksud ayat figuratif tersebut. Manakala Zaini Dahlan pula terus menjelaskan makna sebenar ungkapan figuratif tersebut tanpa menterjemah lafaz bahasa sumber secara harfiah. Penulis berpandangan bahawa cara terjemahan Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan lebih sesuai dalam usaha memberi kefahaman tentang mesej yang dibawa al-Quran iaitu menggambarkan sikap orang-orang kafir yang telah mengubah fikiran mereka daripada kebenaran Islam kepada kebatilan dengan menyembah berhala.

CONTOH 5:

قوله تعالى: ﴿أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ...﴾ (Al-Quran: 14: 9)

Ungkapan figuratif: (فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ)

Maksud sebenar: Ungkapan (فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ) jika diterjemahkan secara harfi bermaksud "mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka". *Al-Baydhawi* (2003) dan *al-Zamakhshari* (1995) menyatakan bahawa frasa tersebut bukan membawa pengertian hakiki, tetapi merupakan kiasan kepada kemarahan, ejekan atau persendaan kaum Nuh, 'Aad dan Thamud kepada apa yang dibawa oleh para rasul.

Jadual 5

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Zaini Dahlan
"... lalu mereka meletakkan tangan ke mulut mereka..."	"...tetapi mereka kembalikan tangannya ke dalam mulutnya (menggigit jari), kerana marah... "	"...tetapi mereka menolaknya seraya menutup mulut dengan tangan mereka..."

Dari terjemahan di atas kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu adalah secara harfi (iaitu menggunakan terjemahan secara kata demi kata) yang mengakibatkan makna sebenar tidak sampai kepada kefahaman pembaca sasaran, malah hakikatnya tidak dapat difahami oleh pembaca.

**Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran:
Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan**

Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman

Sebaliknya, terjemahan Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan cuba mengekalkan ungkapan asal bahasa sumber, tetapi dalam waktu yang sama menambah ungkapan lain untuk menggambarkan sikap kaum Nuh, ‘Aad dan Thamud kepada apa yang dibawa oleh para rasul. Mahmud Yunus menambah ungkapan “kerana marah”, manakala Zaini Dahlan menambah ungkapan “mereka menolaknya”. Penulis berpendapat bahawa kedua-dua bentuk terjemahan ini lebih menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar.

CONTOH 6:

قوله تعالى: ﴿ يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا

يَزِينْنَ وَلَا يَمْتُلِنْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ... ﴾ (Al-Quran: 60: 12)

Ungkapan figuratif: (وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ)

Maksud sebenar: *Al-Qurtubi* (2000) dan *al-Zamakhshari* (1995) menyatakan bahawa frasa tersebut merupakan kiasan kepada anak hasil perzinaan yang dikandungkan oleh seseorang perempuan yang mendustakannya. Frasa tersebut jika diterjemahkan secara harfi bermaksud “dan mereka tidak berbuat dusta yang mereka membohonginya antara tangan dan kaki mereka”. Cara terjemahan sedemikian mengakibatkan makna sebenar ungkapan dalam bahasa sumber tidak sampai kepada kefahaman pembaca sasaran, malah hakikatnya tidak dapat difahami oleh pembaca.

Jadual 6

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Zaini Dahlan
“...tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan di antara tangan dan kaki mereka (perut mereka)...”	" dan tidak akan mengadakan kebohongan, yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka (iaitu berkata dusta berhubung dengan anak yang ada di dalam kandungan mereka)	“... dan tidak berbohong dengan mengalihkan status anak hasil perbuatan zina kepada suaminya yang baru...”

Jika dibandingkan antara cara terjemahan Yayasan Restu, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan, kita akan dapati bahawa terjemahan Yayasan Restu lebih bersifat kata demi kata yang menyebabkan hasil terjemahan tidak menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar, serta pengertiannya yang sebenar tidak sampai kepada para pembaca.

Oleh itu terjemahan individu yang dikemukakan oleh Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan kelihatan lebih dekat dengan makna yang sebenar dalam usaha mentafsir makna ayat figuratif tersebut. Ini kerana Mahmud Yunus cuba menjelaskan makna sebenar dengan menambahkan ungkapan “iaitu berkata dusta berhubung dengan anak yang ada di dalam kandungan mereka”, di samping cuba mengekalkan ungkapan asal bahasa sumber. Manakala, Zaini Dahlan pula tidak menterjemah secara kata demi kata, bahkan terus menjelaskan makna sebenar ungkapan tersebut dalam Bahasa sasaran.

CONTOH 7:

(Al-Quran: 32: 12) ﴿قَوْلَهُ تَعَالَى: ﴿وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الْمُجْرِمُونَ نَاكِسُو رُءُوسِهِمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ...﴾﴾

Ungkapan figuratif: (نَاكِسُو رُءُوسِهِمْ)

Maksud sebenar: Ungkapan (نَاكِسُو رُءُوسِهِمْ) jika diterjemahkan secara harfi bermaksud “mereka menundukkan kepala mereka”. *Ibnu ‘Asyur* (1984) mentafsirkan ungkapan tersebut yang menunjukkan satu tanda kehinaan dan kekesalan.

Jadual 7

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Abdullah Basmeih
“Dan (sungguh) mengerikan azab yang bakal menimpa) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (sambil merayu),...”	“Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina sambil merayu)”

Daripada terjemahan di atas kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu hanya menterjemah secara harfi yang tidak menyatakan maksud sebenar ungkapan figuratif tersebut seperti mana yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih. Ini kerana Abdullah Basmeih menjelaskan maksud ungkapan figuratif tersebut dengan ungkapan “dalam keadaan malu dan hina sambil merayu” yang menggambarkan maksudnya yang hakiki

Majaz Mursal:

CONTOH 8:

(Al-Quran: 9: 99) ﴿قَوْلَهُ تَعَالَى: ﴿سَيَدْخُلُهُمُ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ...﴾﴾

Ungkapan figuratif: (رَحْمَتِهِ)

Maksud sebenar: *al-Baydhwani* (2003) dan *al-Zamakhsyari* (1995) dalam menjelaskan ayat 75 dari Surah *al-Anbiya*: ﴿وَأَدْخَلْنَاهُ فِي رَحْمَتِنَا إِنَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ﴾ ada menyatakan bahawa lafaz (الرحمة) di sini bermaksud syurga. Ini disokong dengan penjelasan *al-Suyuti* (2003) dan *al-Zarkasyi* (2001) yang menyatakan bahawa ini adalah gayabahasa *majaz mursal* dari hubungan keadaan, kerana manusia pada hakikatnya akan berada dalam syurga yang mana di situlah nanti adanya rahmat Allah. Lafaz (الرحمة) dalam ayat 99 dari Surah *al-Taubah* di atas juga membawa maksud yang sama dan situasi yang sama.

Jadual 8

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus
“... Allah akan memasukkan mereka ke dalam Rahmay-Nya...”	“...Nanti Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmatNya (syurga)....”

Daripada terjemahan di atas, kita dapati bahawa terjemahan Yayasan Restu tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan rahmat Allah kerana ia terikat dengan terjemahan kata demi

kata. Ini berbeza dengan pendekatan yang diambil oleh Mahmud Yunus yang cuba menjelaskan maksud sebenar lafaz (الرحمة) berdasarkan apa yang terdapat dalam pentafsiran para ulama dengan menambah maksud lafaz tersebut, iaitu (syurga).

CONTOH 9:

قوله تعالى: ﴿وَأَيُّ كَلِّمًا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ...﴾ (Al-Quran: 71: 7)

Ungkapan figuratif: (جَعَلُوا أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ)

Maksud sebenar: Menurut *al-Zarkasyi* (2001), *al-Suyuti* (2003) dan *Ibn 'Asyur* (1984), lafaz (أصابع) merupakan majaz mursal dari hubungan umum (الكلية) kerana adalah mustahil sama sekali menyumbat keseluruhan jari ke dalam telinga, dan apa yang dimaksudkan di sini sebenarnya adalah “anak jari” (أنامل).

Jadual 9

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Mahmud Yunus
“...mereka menyumbat telinga dengan jari masing-masing...”	“...mereka tutup telinga mereka dengan anak jarinya ,...”

Dari terjemahan di atas kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu adalah secara harfi yang mengakibatkan kekeliruan kepada kefahaman pembaca sasaran, iaitu adakah mungkin jari disumbat ke dalam telinga. Sebaliknya, terjemahan Mahmud Yunus cuba menzahirkan makna sebenar ayat figuratif tersebut dengan terus menterjemah lafaz (أصابع) ke anak jari iaitu (أنامل). Penulis berpendapat bahawa terjemahan Mahmud Yunus lebih menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar.

CONTOH 10:

قوله تعالى: ﴿يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوَاتِكُمْ وَرِيشًا...﴾ (Al-Quran: 7: 26)

Ungkapan figuratif: (قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا)

Maksud sebenar: *Al-Zarkasyi* (2001) dan *al-Suyuti* (2003) menyatakan bahawa lafaz (لباسا) merupakan majaz mursal dari hubungan musabab (yakni kesan) kerana adalah mustahil akal boleh menerima bahawa Allah Ta'ala akan menurunkan pakaian secara hakiki. Apa yang dimaksudkan sebenarnya adalah air hujan yang turun dari langit serta boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki, yang menjelaskan bahawa tanpa air hujan tersebut adalah mustahil akan tumbuhnya tanaman-tanaman yang boleh mengeluarkan pintalan-pintalan kapas yang boleh ditunen menjadi pakaian.

Jadual 10

Terjemahan Yayasan Restu	Terjemahan Abdullah Basmeih
"...sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian ..."	"...Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian..."

Persoalannya di sini: Adakah Allah menurunkan kepada kita pakaian secara total atau menjadikan bahan-bahan semulajadi untuk dijadikan pakaian? Jika dibandingkan antara cara terjemahan Yayasan Restu dan Abdullah Basmeih, kita akan dapati bahawa terjemahan Yayasan Restu lebih bersifat harfi yang tidak menjelaskan makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca sasaran.

Justeru, penulis berpendapat bahawa terjemahan individu yang dikemukakan oleh Abdullah Basmeih kelihatan lebih dekat dengan makna yang sebenar dalam usaha mentafsir makna ayat figuratif tersebut. Ini kerana Abdullah Basmeih cuba menjelaskan makna sebenar yang tersirat dengan menambahkan ungkapan "(bahan-bahan untuk) pakaian", di samping cuba mengekalkan ungkapan asal bahasa sumber.

KESIMPULAN

Secara umumnya, terdapat ayat al-Quran berbentuk figuratif yang tidak boleh diterjemah secara harfiah, kerana faktor tertentu, antaranya ciri linguistik yang berbeza antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Oleh itu, penyesuaian dalam terjemahan perlu dilakukan agar maksud dapat disampaikan dengan lebih jelas dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Dalam terjemahan al-Quran khususnya, seseorang penterjemah harus peka dengan perbezaan tersebut, dan dapat menterjemahkan ayat figuratif dengan tepat dan jelas agar tidak disalah erti.

Kita tidak dapat menafikan bahawa terjemahan yang dihasilkan oleh sekumpulan penterjemah mungkin lebih baik berbanding terjemahan secara individu, kerana pendapat ramai lebih baik daripada pendapat seorang individu sahaja, seperti pepatah Inggeris "*two heads are better than one*". Namun dalam konteks terjemahan, kita tidak boleh menggeneralisasikan bahawa hasil terjemahan berkumpulan lebih baik daripada individu. Hal ini kerana penterjemah individu juga berupaya menyampaikan maksud teks dengan lebih jelas dan menepati kehendak makna bahasa sumber.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, penulis mendapati bahawa terjemahan ayat figuratif yang dihasilkan secara individu adakalanya menunjukkan terjemahan yang lebih baik berbanding terjemahan Yayasan Restu yang dilakukan secara kolektif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sesetengah penterjemah individu juga mampu menghasilkan satu bentuk terjemahan yang lebih menepati maksud yang dikehendaki dalam ayat-ayat figuratif. Terjemahan ayat-ayat figuratif tidak dapat menjelaskan maksud sebenar ayat hanya dengan terjemahan berbentuk harfi, malah memerlukan penyesuaian, penambahan maksud atau terjemahan maknawi untuk menyampaikannya.

Justeru, penulis berpendapat, perlu ada penjelasan yang lebih tepat untuk menggambarkan makna hakiki sesuatu ungkapan figuratif dalam sesetengah ayat. Seharusnya, dalam perkara ini, hasil terjemahan oleh kumpulan tertentu mengambil kira hasil terjemahan individu yang dapat menyampaikan mesej dengan lebih tepat, dan menambahbaik terjemahan ayat-ayat tersebut.

Sekiranya terdapat terjemahan individu yang lebih menepati maksud sebenar maka pihak yang menjalankan terjemahan secara berkumpulan perlu meraikan hasil terjemahan tersebut. Oleh itu, dalam usaha memahami maksud ayat figuratif, disarankan agar tidak bergantung kepada hanya satu hasil terjemahan sahaja. Penyelidik juga berpendapat bahawa perlu ada semakan terhadap cetakan-cetakan terkini demi penambahbaikan terhadap hasil terjemahan tersebut memandangkan terdapat kekurangan dalam sesetengah terjemahan al-Qur'an terkini, terutamanya untuk memberi kefahaman jelas dan tepat terhadap maksud ayat figuratif.

RUJUKAN

- Al-Baydhawi, N. 2003. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. 2009. Selangor: Yayasan Restu.
- Al-Qurtubi, A.A. 2000. *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. ed. Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Suyuti, J. 2003. *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. ed. Muhammad Abu al-Fadhli Ibrahim. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Tabari. M. J. 2005. *Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Aay al-Quran*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Zamakhshari, M. 1995. *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zarkhasyi, B. 2001. *Al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, A. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: DarulFikir. cet. 12.
- Bakri, S.A. 2001. *Al-balaghah al-arabiyyah fi thaubiha al-jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Bassnett-McGuire, S. 1988. *Translation Studies*. London & New York: Routledge.
- Broeck, R. V. D. 1981. *The Limits of Translatability Exemplified by Metaphor Translation*. paper presented at Synopsis 1: "Translation Theory and Intercultural Relations," held at the Porter Institute for Poetics and Semiotics in collaboration with the M. Bernstein Chair of Translation Theory, Tel Aviv University, 27 March-1 April 1978. *Poetics Today*, Vol. 2:4.
- Ibn 'Asyur, M. 1984. *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Dagut, M. B. 1976. *Can Metaphor be Translated*. in *Babel*. Vol. 22.
- Mahmud, Y. 2008. *Tafsir Al-Quran Nul Karim*. Klang Book Centre.
- Mat Taib Pa. 2000. *Terjemahan Makna al-Quran al-Karim ke Bahasa Melayu: Keperluan Pembentukan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan*. 8th. Conference On Translation. Kedah: Universiti Utara Malaysia dan Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, The Malaysian Translators Association, Institut Terjemahan Negara.
- Muhammad Fauzi, J. 2003. *Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevans*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nida, E. A. 1964. *Toward A Science of Translating: with special reference to principles and Procedures involved in bible translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Siti Saudah, H. 1999. "Ilmu Bayan Satu Perbandingan Dengan Bahasa Melayu". Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Zaini, D. 1999. *Qur'an Karim dan terjemahan artinya*. Yogyakarta: UII Press.